EVOLUSI DEKAD

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Terengganu



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

ڤرڤوستاکاءن چندکياون

"SUARA ILMU ASPIRASI CENDEKIAWAN"

JUN

2026

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI

KUNJUNGAN HORMAT
PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN KE YAYASAN PEMBANGUNAN USAHAWAN TERENGGANU

21 Jun 2026
Oleh : Ahmad Fathi Azhari



Barisan pengurusan Perpustakaan Cendekiawan bergambar bersama Puan Afnida Aini Alwi, Ketua Pegawai Eksekutif YPU Terengganu



Puan Shahidatul Akhmam Rambeli (tengah), Ketua Perpustakaan Cawangan, memberikan penerangan berkenaan Respositori Keusahawanan

KUALA TERENGGANU, 21 Jun — Pihak Perpustakaan Cendekiawan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu memperkukuh jaringan strategik bersama Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) Terengganu melalui satu kunjungan hormat yang diadakan di Pejabat YPU Terengganu, hari ini.

Pertemuan tersebut menjadi platform penting dalam merintis hubungan dua hala serta meletakkan batu asas kepada jalinan kerjasama yang lebih erat antara institusi akademik dan agensi pembangunan usahawan negeri. Delegasi daripada Perpustakaan Cendekiawan diketuai oleh Puan Shahidatul Akhmam Rambeli, Ketua Perpustakaan Cawangan UiTM Terengganu, dan disambut baik oleh Puan Afnida Aini Alwi, Ketua Pegawai Eksekutif YPU Terengganu, bersama barisan Ketua Bahagian agensi berkenaan.

SCAN ME

Fokus Utama Kolaborasi

Sesi yang berlangsung selama tiga jam bermula jam 10.00 pagi itu memfokuskan kepada beberapa agenda utama, antaranya:

- Perkongsian Maklumat: Meneroka ruang kolaborasi yang lebih meluas dalam pertukaran data dan kepakaran.
- Sokongan Keusahawanan & Komuniti: Menggerakkan program pembangunan komuniti dan keusahawanan secara bersama.
- Pemantapan Repositori: Memberi tumpuan khusus terhadap usaha mengumpul dan mempertingkat maklumat strategik bagi memantapkan lagi fungsi Repositori Keusahawanan UiTM.



Sesi lawatan ke Studio TikTok yang masih di dalam proses pembangunan di Bangunan Yayasan Pembangunan Usahawan, Kuala Terengganu



Puan Afnida Aini Alwi, Ketua Pegawai Eksekutif YPU Terengganu menyampaikan cenderamata sebagai tanda ingatan kepada pihak Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu

"Kerjasama ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada penyaluran maklumat keusahawanan yang lebih efektif, sekali gus memberi impak positif yang berkesan kepada landskap keusahawanan negeri pada masa hadapan."

Pihak Perpustakaan Cendekiawan turut menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan atas sambutan mesra serta komitmen padu yang diberikan oleh pihak YPU Terengganu dalam merealisasikan agenda pengukuhan akademik dan industri ini.

SCAN ME



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI